

Prestasi Kami pada 2025

Berikut merupakan sorotan daripada pencapaian utama kami pada 2025.

Tonggak Strategik 1: Merealisasikan Kesediaan Resolusi dan Pengurusan Krisis PIDM

Mempergiat dan meningkatkan keupayaan PIDM untuk melaksanakan intervensi dan resolusi institusi ahli dengan mempertingkatkan lagi kesediaan resolusi dalaman PIDM, serta memastikan pihak berkepentingan utama dapat sedia bertindak dan menyokong PIDM secara efektif dalam pelaksanaan strategi resolusi ketika situasi krisis. Tonggak Strategik 1 disokong oleh tiga bidang keputusan utama.

KRA 1: (PIDM-Bersedia) Membolehkan tindakan intervensi dan resolusi yang mantap dan efektif oleh PIDM

Kesediaan merupakan kunci utama dalam membolehkan tindakan intervensi dan resolusi yang mantap dan efektif. Dalam hal ini, kami meneruskan momentum untuk menambah baik dasar, sistem dan keupayaan kami untuk melaksanakan resolusi bagi institusi ahli yang bermasalah.

Persediaan krisis. Kami berjaya menjalankan latihan simulasi menyeluruh yang merangkumi peringkat pra-resolusi dan persediaan sehingga peringkat kegagalan bank, diikuti dengan penutupan bank dan aktiviti pembayaran balik oleh PIDM. Latihan komprehensif ini mencapai hasil yang diharapkan, termasuk meningkatkan peranan dan keupayaan Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan semasa tindakan intervensi dan resolusi, menguji prosedur pembubaran dan pembayaran balik, dan memperkukuh kerjasama dengan penyedia perkhidmatan utama dengan menjelaskan jangkaan dan meningkatkan keupayaan mereka untuk memberi sokongan efektif yang perlu ketika krisis. Selain persediaan teknikal, latihan simulasi ini turut meningkatkan keupayaan analitikal dan kapasiti membuat keputusan merentasi pasukan bagi memastikan koordinasi dan komunikasi yang lancar dalam mengendalikan situasi yang kompleks.

Resolusi berlandaskan Syariah. Sejak tahun 2024, tumpuan utama adalah untuk memperkukuh agenda PIDM mengenai pertimbangan Syariah dalam resolusi. Bersempena dengan Simposium Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Symposium – NRS*) 2025, kami telah menganjurkan Muzakarah tahunan bersama pakar Syariah, yang menghimpunkan para sarjana dan pengamal Syariah untuk membincangkan isu-isu resolusi dalam kewangan Islam. Rujuk halaman 38 di Bahagian II Laporan Tahunan ini untuk maklumat lanjut.



KRA 2: (Industri-Bersedia) Memperkukuh kebolehelesaian institusi ahli dan meningkatkan kesediaan penyedia perkhidmatan

Hubungan kerjasama antara PIDM dan industri dalam memastikan keupayaan, kapasiti dan pengaturan tadbir urus adalah penting untuk menyokong PIDM ketika melaksanakan intervensi dan resolusi institusi ahli.

Agenda perancangan resolusi. Kami terus memanfaatkan momentum yang telah dibina dalam membentuk naratif berkaitan resolusi melalui penganjuran NRS ketiga yang bertemakan "Precaution Over Reaction: Harvesting Readiness in an Uncertain World". Simposium ini menghimpunkan pemimpin kanan daripada institusi kewangan domestik, pengawal selia di seluruh rantau ini dan pakar antarabangsa dalam bidang resolusi dan pengurusan krisis. Rujuk halaman 37 di Bahagian II Laporan Tahunan ini untuk maklumat lanjut.



Penilaian kebolehelesaian. Sebagai persediaan bagi penerbitan Draf Pendedahan mengenai Rangka Kerja Penilaian Kebolehelesaian untuk Anggota Penerima Deposit, kami telah mengadakan sesi perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan bank ahli. Melalui perbincangan ini, kami telah mendapatkan maklum balas dan input mengenai rangka kerja tersebut serta jangkaan terhadap kebolehelesaian. Proses perundingan industri dijangka bermula pada tahun 2026 bagi memastikan hasil perancangan resolusi yang mantap dan efektif, terutamanya bagi strategi 'pemindahan'.



KRA 3: (Jaring Keselamatan Kewangan-Bersedia) Pengaturan pengurusan krisis yang efektif bersama dan antara peserta jaring keselamatan kewangan

Di PIDM, persediaan menghadapi krisis adalah satu usaha yang berterusan. Ketika waktu operasi seperti biasa, kami memupuk hubungan kerja yang kukuh dan kolaboratif bersama peserta jaring keselamatan kewangan untuk memastikan koordinasi yang teratur apabila berlakunya krisis.

Koordinasi antara agensi. Kami terus mengadakan pelibatan dengan agensi berkaitan untuk memperhalusi dan memuktamadkan kandungan *interagency binder* – sebuah dokumen yang memperincikan pengaturan koordinasi dalam kalangan agensi berkaitan semasa krisis. Dokumen ini berfungsi sebagai pemboleh kesediaan krisis PIDM yang komprehensif untuk memastikan koordinasi dan perancangan yang lebih baik bagi simulasi krisis antara agensi.

Tonggak Strategik 2: Meningkatkan Keyakinan terhadap Sistem Perlindungan dan Mandat Resolusi PIDM

Meluaskan pendekatan kesedaran awam PIDM dengan memanfaatkan tema literasi kewangan dan mengoptimalkan penggunaan saluran komunikasi digital PIDM untuk mempromosikan peranan PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan serta pihak berkuasa resolusi kebangsaan bagi institusi ahli PIDM. Tonggak Strategik 2 disokong oleh dua bidang keputusan utama.

KRA 4: (Orang Awam dan Media–Bersedia) Mengekalkan kesedaran, pemahaman dan advokasi yang kukuh dalam kalangan orang awam dan media

Kepercayaan dan keyakinan awam menyumbang kepada kesediaan PIDM. Adalah penting bagi orang awam dan media untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang mandat dan peranan PIDM, terutamanya sebagai pihak berkuasa resolusi.

Pelibatan awam. Dengan menggunakan kandungan literasi kewangan sebagai tunjang, kami terus meningkatkan pemahaman dan advokasi awam melalui inisiatif yang relevan dan berimpak, yang disasarkan kepada masyarakat umum dan khusus melalui pelibatan bersemuka dan platform media sosial. Sebagai salah satu ahli pengasas Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network – FEN*), kami juga terus bekerjasama rapat dengan agensi lain untuk mengoptimalkan usaha dan sumber dalam menyokong agenda literasi kewangan negara, di samping memaksimumkan akses dan capaian kepada golongan sasaran yang lebih besar. Di bawah FEN, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan kedua 2026 – 2030 telah dilancarkan pada Oktober 2025, yang menetapkan hala tuju strategik fasa seterusnya bagi menyelaraskan usaha literasi kewangan di seluruh negara.

Pada tahun 2025, kami memperkenalkan bahan komunikasi baharu di media sosial dan platform digital untuk meningkatkan tahap pemahaman awam tentang peranan PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi. Kempen ini menyasarkan masyarakat bandar dan mengetengahkan peranan PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi yang berfungsi memastikan pendeposit mempunyai akses berterusan kepada wang mereka sekiranya sesebuah bank ahli mengalami kegagalan. Di samping itu, kami juga melancarkan laman web korporat baharu kami dengan navigasi yang dipertingkatkan, rangka maklumat yang diperkemas serta susun atur kandungan yang lebih intuitif untuk memudahkan konsumer mencari maklumat yang relevan dengan mudah.



Tahap kesedaran dan advokasi awam. Kami menjalankan tinjauan kesedaran awam tahunan di seluruh negara melalui agensi penyelidikan bebas untuk mengukur keberkesanan dan tahap kejayaan inisiatif kesedaran awam kami. Bagi tahun 2025, kami mencapai tahap kesedaran awam sebanyak 79% (2024: 75%) dan tahap advokasi sebanyak 67% (2024: 56%), melepasi sasaran 75% dan 50% masing-masing bagi tahap kesedaran awam dan advokasi.

KRA 5: Meningkatkan keberkesanan dan kerelevanan perlindungan serta peranan PIDM selaku pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan

Kami sentiasa menyemak semula dan menanda aras kecukupan dan kerelevanan skop perlindungan PIDM untuk memastikan sistem perlindungan yang ditadbir PIDM kekal efektif.

Penambahbaikan berterusan. Kami sentiasa menyemak semula dan menanda aras sistem perlindungan PIDM dengan penginsurans deposit lain melalui hubungan antarabangsa kami yang kukuh untuk mempertimbangkan dasar baharu yang boleh menambah baik keberkesanan peranan PIDM. Pada tahun 2025, PIDM telah dilantik oleh International Association of Deposit Insurers (IADI) untuk mempengerusikan Kumpulan Kerja Resolusi IADI bagi membincangkan topik berkaitan resolusi.

Kami juga menyumbang kepada Jawatankuasa Kecil Perancangan Resolusi yang ditubuhkan oleh International Forum of Insurance Guarantee Schemes bagi memulakan perbincangan mengenai perancangan resolusi untuk industri insurans. Peranan kepimpinan ini menyediakan peluang untuk PIDM terlibat dalam agenda penggubalan dasar. Bagi kerjasama ASEAN, PIDM telah menganjurkan mesyuarat dua hala dengan Lembaga Penjamin Simpanan, Indonesia serta menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Deposit Protection Agency of Thailand. Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama kami untuk memperkukuh kestabilan sistem kewangan serantau.



Tonggak Strategik 3: Menjayakan Kesediaan PIDM melalui Keberkesanan Organisasi, Transformasi Digital dan Tadbir Urus Kukuh

Membina asas yang kukuh untuk menghadapi perubahan dengan menerapkan asas budaya digital dan kelestarian dalam kalangan kakitangan dan melengkapkan mereka dengan kemahiran menerajui masa depan, menggunakan analitik data untuk meraih keputusan yang baik, merekayasa semula proses operasi teras dan infrastruktur teknologi, serta memodenkan aplikasi sistem kami dengan pengukuhan keselamatan di samping mengekalkan tadbir urus yang kukuh dan operasi yang efektif. Tonggak Strategik 3 disokong oleh empat bidang keputusan utama.

KRA 6: Memastikan bakat dan keupayaan yang mantap dan memperkukuhkan budaya PIDM

Kakitangan yang cekap serta budaya kerja yang mantap dan tangkas adalah penting untuk PIDM, terutamanya dalam persekitaran operasi digital yang berkembang pesat. Sesi libat urus bersama kakitangan yang efektif dan penyediaan latihan untuk kemahiran baharu di samping budaya yang bertumpukan inovasi digital dan kelestarian, akan menyediakan kakitangan kami untuk menangani cabaran masa depan dan sentiasa memenuhi objektif strategik PIDM.

Kompetensi kakitangan. Kami telah melancarkan Rangka Kerja Kompetensi yang disemak semula. Rangka kerja tersebut terdiri daripada kompetensi teras dan khusus bagi setiap jawatan dan berfungsi sebagai panduan untuk membimbing bidang pengurusan bakat dalam PIDM. Tumpuan pada tahun 2025 ialah kepada program literasi data untuk melengkapkan kakitangan kami dengan kemahiran asas analitik data dalam usaha memupuk budaya membuat keputusan berasaskan data. Selain melancarkan platform pembelajaran dalaman yang mengkhususkan kepada kandungan latihan yang disesuaikan, kami juga meneruskan pelaksanaan rangka kerja pembelajaran dan pembangunan yang dipertingkatkan untuk melengkapkan kakitangan kami terutamanya dalam kemahiran digital, kompetensi berkaitan resolusi serta kepimpinan.



Pelibatan kakitangan. Kami terus memperkukuh budaya kerja organisasi kami melalui program libat urus bersama kakitangan termasuk sesi *town hall* suku tahunan, hari keluarga, taklimat kesihatan dan kesejahteraan, latihan kesedaran yang relevan, serta pelbagai acara yang dianjurkan oleh Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM. Sempena ulang tahun PIDM yang ke-20, kami juga menganjurkan beberapa inisiatif termasuk kuiz trivia dan program *treasure hunt* mini untuk memupuk kesedaran kepada kakitangan kami tentang sejarah PIDM serta menggalakkan semangat setiakawan.



KRA 7: Memodenkan infrastruktur, proses dan keselamatan teknologi maklumat PIDM untuk menambah baik kesediaan masa depan untuk melaksanakan mandat kami

Matlamat strategik PIDM adalah untuk mempunyai infrastruktur teknologi yang memenuhi keperluan masa depan dengan memanfaatkan teknologi awan untuk mencapai kecekapan operasi yang lebih mampan serta bagi membolehkan kerjasama dan pelibatan efektif dalam kalangan kakitangan, yang disokong oleh standard keselamatan siber yang kukuh dan moden.

Pemodenan infrastruktur dan aplikasi teknologi. Kami terus memajukan penggunaan teknologi awan. Pada tahun 2025, kami berjaya menubuhkan Pusat Data Maya PIDM untuk sistem korporat kami yang berkeupayaan untuk boleh diubah skala, sekali gus memperkukuh ciri-ciri keselamatan, prestasi operasi dan daya tahan sistem. Susulan pelaksanaan Microsoft 365 pada tahun sebelumnya, kami telah menambah dua ciri baharu untuk mempertingkatkan lagi asas kerjasama berasaskan teknologi awan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran.



Keselamatan siber. Kami terus komited untuk memperkukuh daya tahan siber. Pada tahun 2025, kami terus mempamerkan daya tahan yang kukuh dan membuat penambahbaikan berterusan. Ini dibuktikan menerusi keputusan Penilaian Kerentanan dan Ujian Penetrasi yang menunjukkan tiada kerentanan berisiko tinggi. Ianya juga disokong oleh pertahanan mantap, proses tindak balas insiden yang efektif yang diperkukuhkan melalui latihan siber dan simulasi serangan siber yang komprehensif.

KRA 8: Memanfaatkan aplikasi dan analitik data untuk meningkatkan kesediaan resolusi PIDM

Analitik data yang mantap dan asas kukuh dalam dasar dan tadbir urus data adalah penting bagi PIDM menambah baik penggubalan strategi dan membuat keputusan berasaskan data.

Agenda analitik data. Kami telah mewujudkan platform data organisasi untuk memusatkan pemprosesan, pengurusan dan penggunaan data. Usaha ini membolehkan lebih banyak sumber data dapat diproses bagi menghasilkan produk analitik data yang berskala bagi kegunaan dalaman.

KRA 9: Menerapkan aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance – ESG*) sebagai hala tuju utama dalam operasi PIDM

Mengekalkan standard tadbir urus yang tinggi sentiasa menjadi keutamaan kepada PIDM. Ini adalah selaras dengan tumpuan Kerajaan bagi memperkukuh tadbir urus sektor awam.

Integriti dan tadbir urus. Kami melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi PIDM (*Organisational Anti-Corruption Plan – OACP*) 2025 – 2029, yang merupakan kesinambungan pelan lima tahun sebelumnya dan selaras dengan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional 2024 – 2028. OACP membentuk komponen penting dalam amalan tadbir urus kami dan merupakan asas bagi PIDM untuk terus melaksanakan mandat kami bebas daripada isu tadbir urus, integriti dan rasuah. Kami menganjurkan buat kali kedua Persidangan Dalaman 2025 yang dihadiri oleh semua kakitangan dan Lembaga Pengarah, dengan tumpuan kepada usaha menerapkan pemikiran dan budaya kesedaran risiko yang tinggi di seluruh PIDM. Kami juga menganjurkan perbincangan meja bulat yang menghimpunkan pakar dan pengamal keselamatan siber daripada peserta jaring keselamatan kewangan lain untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai perkembangan terkini dengan tumpuan kepada kecerdasan buatan dalam keselamatan siber.

Kelestarian. Kami berjaya memperoleh Pensijilan Gangsa GreenRE untuk pejabat kami di Bangunan AICB. Pensijilan tiga tahun ini menzahirkan komitmen berterusan PIDM terhadap kelestarian dan keselarasan dengan amalan operasi dan bangunan hijau.

Tanggungjawab Sosial Korporat. Pada tahun 2025, sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap pemerikasaan komuniti, kami telah memilih Kampung Batu Malim di Raub, Pahang, sebagai kampung angkat di bawah inisiatif Kerajaan iaitu Santuni MADANI – Program Satu Pemimpin Satu Kampung. Berlandaskan tumpuan kepada literasi kewangan dan pendidikan, kami menganjurkan program literasi kewangan untuk belia di kampung tersebut. Kami telah bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Raub untuk menganjurkan kelas tuisyen bagi subjek yang telah dikenal pasti untuk 25 pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Kami juga meneruskan Program Biasiswa Sarjana Muda PIDM sebagai sokongan kepada pelajar Malaysia yang layak dan memerlukan bantuan kewangan untuk melanjutkan pengajian tinggi di universiti tempatan. Pada tahun 2025, kami telah menganugerahkan biasiswa kepada 20 orang pelajar, menjadikan jumlah keseluruhan 270 orang pelajar yang telah menerima tajaan di bawah program ini sejak penubuhan PIDM.







Melangkah ke Hadapan

Rancangan Korporat 2026 – 2028 menandakan satu lagi lembaran baharu bagi PIDM selepas 20 tahun beroperasi. Rujuk Bahagian IV Laporan Tahunan ini untuk ringkasan rancangan kami pada masa depan.

Ringkasan Prestasi Kewangan

Rancangan Korporat 2023 – 2025



Semua hasil premium dan levi daripada institusi ahli telah menyumbang secara langsung kepada pengumpulan Dana Perlindungan. Pendapatan dan pulangan pelaburan meningkat lebih dua kali ganda sepanjang tempoh Perancangan Korporat, mencecah RM290.3 juta dalam tempoh tiga tahun, berbanding tahun asas 2022. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peluasan jumlah dana yang boleh dilabur, peningkatan hasil pulangan menerusi usaha pengimbangan semula portfolio, serta pelanjutan tempoh matang pelaburan bagi memanfaatkan kadar faedah dan kadar pulangan yang lebih tinggi pada separuh pertama tempoh perancangan. Pulangan ini secara konsisten melebihi perbelanjaan operasi tahunan, sekali gus menurunkan nisbah purata berwajaran perbelanjaan berbanding pendapatan pelaburan daripada 75% kepada di bawah 50% dalam tempoh perancangan tersebut.

Modal insan kekal sebagai komponen kos terbesar, merangkumi purata 69.7% daripada jumlah perbelanjaan bagi tempoh tiga tahun. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran mewakili purata 19.4%, manakala perbelanjaan berkaitan pelaksanaan inisiatif PIDM pula merangkumi baki 10.9%. Secara keseluruhan, PIDM mengekalkan disiplin kewangan yang kukuh, dengan peningkatan jumlah perbelanjaan yang berjaya dikekalkan pada kadar purata kurang daripada 5%.

Sepanjang tempoh perancangan bagi tahun 2023 – 2025, PIDM kekal teguh dalam memastikan keberkesanan operasi serta kecekapan kos yang berterusan. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan termasuk penyusunan semula penggunaan ruang pejabat PIDM agar lebih optimum, sekali gus menghasilkan penjimatan kos yang signifikan dan mampan, seperti yang ditunjukkan dalam trend pertumbuhan perbelanjaan operasi dan pentadbiran di atas. Selain itu, pelaburan berkaitan lesen sistem teknologi maklumat, penyelenggaraan serta telekomunikasi kekal stabil sepanjang tempoh perancangan.

Agenda transformasi digital dicapai melalui pelaburan teknologi secara berhati-hati dan berhemat dengan memberi tumpuan kepada pembinaan asas teknologi yang kukuh serta boleh skala bagi menyokong keperluan operasi dan penyampaian perkhidmatan pada masa hadapan. Seiring dengan itu, perbelanjaan berkaitan inisiatif lain turut disalurkan bagi memperkukuhkan kesediaan PIDM dalam melaksanakan mandatnya, dengan penekanan khusus kepada pembangunan bakat dan inisiatif pembinaan keupayaan. Selaras dengan aspirasi untuk membangunkan tenaga kerja yang bersedia mendepani keperluan masa hadapan, sejumlah RM3.0 juta atau secara purata 41.2% daripada perbelanjaan berkaitan modal insan yang lain, telah diperuntukkan bagi mempertingkatkan keupayaan kakitangan, khususnya dalam bidang teknikal berkaitan resolusi, literasi digital, kemahiran teknikal pengkomputeran awan serta kompetensi kepimpinan.

PIDM telah membelanjakan secara purata sebanyak 23.0% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan berkaitan inisiatif dalam tempoh tiga tahun bagi meningkatkan tahap kesediaan resolusi dan kolaborasi secara menyeluruh melalui inisiatif seperti penganjuran NRS, sesi Muzakarah, penyediaan dokumen *interagency crisis preparedness binder* serta latihan simulasi. Sejumlah 34.4% lagi diperuntukkan bagi memperkukuh keyakinan awam menerusi pelbagai inisiatif pelibatan, antaranya kempen Sedia Payung Kewangan dan program jelajah di Malaysia Timur, penganjuran serta penyertaan dalam forum dua hala dan pelbagai hala, selain pelaksanaan kempen media sosial dan pengiklanan digital menggunakan bahan komunikasi baharu.

Sepanjang tempoh perancangan, keutamaan kami adalah tertumpu kepada pengukuhan sumber pendapatan melalui pulangan pelaburan yang mampan, di samping mengekalkan disiplin kewangan yang kukuh menerusi peningkatan keberkesanan operasi serta pelaksanaan langkah-langkah kecekapan kos. Kami juga memastikan pengurusan sumber dilaksanakan secara berhemat bagi membolehkan semua inisiatif yang dirancang dilaksanakan dengan jayanya dalam lingkungan bajet yang diluluskan.

Sorotan Kewangan bagi Tahun 2025



Jumlah Pendapatan

Hasil Premium dan Levi

PIDM mengutip premium daripada bank ahli serta levi daripada ahli penginsurans setiap tahun berdasarkan profil risiko masing-masing di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank serta rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan pengendali takaful.

Kedua-dua premium dan levi tahunan yang dibayar oleh bank ahli dan ahli penginsurans adalah ditaksir berdasarkan kedudukan kewangan pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya. Premium dikira berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan, manakala levi dikira berdasarkan penilaian liabiliti serta premium dan sumbangan bersih.

Kutipan premium daripada bank ahli bagi tahun 2025 berjumlah RM553.5 juta, mencatatkan peningkatan 9% berbanding tahun 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pelaksanaan rangka kerja Sistem Premium Berbeza baharu serta pertumbuhan asas Jumlah Deposit Diinsuranskan. Jumlah tersebut turut merangkumi premium pertama kali sebanyak RM250,000 setiap satu daripada dua bank digital baharu yang menjadi ahli PIDM. Sementara itu, jumlah levi yang dikutip daripada ahli penginsurans bagi tahun 2025 pula berjumlah RM121.9 juta, mencatat peningkatan sebanyak 4% berbanding tahun 2024. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh penilaian liabiliti yang lebih tinggi serta pertumbuhan premium bersih dan sumbangan bersih.




Pendapatan dan Pulangan Pelaburan


Sumber utama pendapatan dan pulangan pelaburan kami adalah daripada portfolio pendapatan tetap yang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysia Government Securities – MGS*), Terbitan Pelaburan Kerajaan (*Government Investment Issues – GII*), serta Sekuriti Hutang Swasta (*Private Debt Securities – PDS*) bertaraf AAA terpilih yang diterbitkan oleh entiti berkaitan Kerajaan.

Walaupun persekitaran kadar faedah menunjukkan trend menurun dalam tahun semasa, pendapatan dan pulangan pelaburan PIDM terus mencatat pertumbuhan sebanyak 15% kepada RM290.3 juta (2024: RM252.6 juta) dalam perbandingan tahun ke tahun. Jumlah pulangan purata berwajaran pelaburan (*Return on Investment – ROI*) bagi portfolio pelaburan pendapatan tetap dan penempatan turut meningkat sedikit kepada 3.76%, iaitu peningkatan sebanyak 12 mata asas berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini mencerminkan penguasaan asas portfolio pelaburan serta pelaksanaan strategi mengoptimumkan pelaburan yang diterapkan dalam tahun semasa.

Pendapatan Pelaburan serta Pulangan dan Purata Berwajaran atas Pelaburan



Komposisi Pelaburan



Penambahbaikan kepada modal




Modal kewangan

Pendekatan Pengurusan Dana yang Efektif dan Mantap


Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pendekatan pengurusan dana PIDM telah beralih secara berperingkat daripada strategi pelaburan konservatif yang bertumpu kepada kecairan jangka pendek kepada peruntukan aset strategik yang lebih dinamik. Peralihan ini membolehkan pulangan pelaburan PIDM menjadi lebih mampan dengan memanfaatkan persekitaran kadar faedah yang menggalakkan serta memperoleh hasil yang lebih tinggi untuk tempoh jangka panjang, selaras dengan had atau parameter pelaburan yang ditetapkan di bawah peruntukan perundangan kami. Antara penambahbaikan utama termasuk pelanjutan tempoh pegangan pelaburan yang diluluskan daripada tiga tahun kepada tujuh tahun pada tahun 2021, dan seterusnya kepada 10 tahun pada tahun 2022. Had pegangan bagi instrumen hutang bertaraf AAA yang diterbitkan oleh entiti berkaitan Kerajaan turut diperluas daripada 10% kepada 20% daripada jumlah keseluruhan dana. PIDM juga memperkukuh pengurusan tunai melalui kepelbagaian dan peningkatan peluang penempatan deposit tetap serta instrumen pasaran wang bagi mempertingkatkan kepelbagaian risiko dan mengoptimumkan pulangan.

Langkah ini telah menghasilkan impak yang positif serta memperkukuh daya tahan jangka panjang dalam pengurusan Dana Perlindungan. Dengan sokongan keadaan pasaran yang menggalakkan, pulangan purata berwajaran portfolio meningkat daripada 2.53% pada tahun 2021 kepada 3.76% pada tahun 2025, dengan tempoh matang purata meningkat daripada 1.28 tahun kepada 3.75 tahun. Pendapatan dan pulangan pelaburan mencatat pertumbuhan melebihi 42% pada tahun 2023 kepada RM198.9 juta, diikuti peningkatan sederhana sebanyak 27% pada tahun 2024 dan 15% pada tahun 2025, menjadikan jumlah pendapatan dan pulangan pelaburan masing-masing kepada RM252.6 juta dan RM290.3 juta, meskipun dalam persekitaran kadar faedah yang semakin menurun.

Pendapatan Pelaburan serta Pulangan dan Purata Berwajaran atas Pelaburan




Profil Pelaburan dan Tempoh Portfolio




Portfolio pelaburan pada 31 Disember 2025

Pada akhir tahun 2025, 68.0% daripada portfolio pelaburan terdiri daripada instrumen yang mempunyai tempoh matang melebihi tiga tahun, berbanding 63.0% pada tahun sebelumnya. Penekanan kepada tempoh yang lebih panjang antara lima hingga tujuh tahun ini adalah selaras dengan strategi pelaburan kami dalam persekitaran kadar faedah yang menurun secara sederhana. Secara purata, tempoh portfolio telah menjadi lebih panjang iaitu 3.75 tahun (2024: 3.65 tahun). Kadar Pulangan Efektif Purata Berwajaran (*Weighted Average Effective Yield and Return – WAEYR*) bagi keseluruhan pelaburan pendapatan tetap kekal stabil, dengan mencatatkan penurunan kecil sebanyak dua (2) mata asas kepada 3.75%. Keadaan ini mencerminkan keberkesanan berterusan strategi pelaburan PIDM yang optimum meskipun berdepan persekitaran hasil yang mencabar.



Jumlah Perbelanjaan Operasi


Perbelanjaan operasi bagi tahun 2025 berjumlah RM121.7 juta, meningkat sebanyak 1.5% berbanding RM119.8 juta pada tahun 2024. Namun demikian, jumlah ini lebih rendah sebanyak RM11.8 juta atau 8.8% daripada bajet yang diluluskan, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah bagi semua kategori perbelanjaan.



Perbelanjaan Pengurusan Modal Insan

Jumlah perbelanjaan pengurusan modal insan meningkat sebanyak RM4.2 juta kepada RM86.3 juta pada tahun 2025 (2024: RM82.1 juta), didorong terutamanya oleh pertambahan kakitangan bagi menyokong inisiatif transformasi digital kami. Sehingga akhir tahun 2025, jumlah kakitangan PIDM adalah seramai 207 orang (2024: 201 orang).

Sebagai sebahagian usaha memupuk budaya membuat keputusan berasaskan data, PIDM telah meningkatkan pelaburan dalam latihan literasi data di peringkat organisasi pada tahun 2025. Pada masa yang sama, PIDM terus mengukuhkan keupayaan berkaitan resolusi dan pembangunan kepimpinan untuk menyokong keberkesanan organisasi secara keseluruhan.



Penambahbaikan kepada modal




Modal insan



Modal intelektual

Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran

Perbelanjaan operasi dan pentadbiran PIDM diperuntukkan terutamanya bagi menyokong operasi pejabat harian, merangkumi perbelanjaan berkaitan sewaan dan penyelenggaraan pejabat, di samping sistem teknologi maklumat dan telekomunikasi. Inisiatif rasionalisasi ruang pejabat PIDM telah menghasilkan penjimatan kos yang ketara pada tahun 2025. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran menurun sebanyak 15.1% kepada RM20.9 juta (2024: RM24.6 juta), dan 8.0% lebih rendah daripada bajet, didorong oleh usaha rasionalisasi tersebut serta disokong oleh kos utiliti, penyelenggaraan dan pengurusan fasiliti lain yang lebih rendah.



Penambahbaikan kepada modal



Modal intelektual



Modal pembangunan



Modal sosial dan perhubungan

Perbelanjaan Berkaitan Inisiatif

Perbelanjaan ini menyokong pelaksanaan inisiatif korporat yang selaras dengan tonggak strategik dan bidang keputusan utama di bawah Rancangan Korporat PIDM. Dalam tahun semasa, pelan strategik telah dilaksanakan dalam lingkungan bajet yang diluluskan bagi mencapai hasil yang disasarkan bagi setiap tonggak strategik. Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan berkaitan inisiatif meningkat sebanyak RM1.4 juta berbanding tahun sebelumnya, khususnya bagi Tonggak Strategik 3 yang mencatat peningkatan sebanyak RM1.5 juta, didorong oleh pelaburan strategik untuk memperkukuhkan infrastruktur digital PIDM. Secara keseluruhan, jumlah perbelanjaan berkaitan inisiatif adalah 31.3% lebih rendah daripada bajet yang diperuntukkan, hasil penjimatan serta penjarangan semula pelan dalam tahun semasa.

Pada tahun 2025, pemacu kos utama bagi Tonggak Strategik 1 merangkumi penganjuran NRS dan sesi Muzakarah, pelaksanaan latihan simulasi menyeluruh, penerbitan kertas penyelidikan berkaitan isu Syariah, serta pelibatan dalam perbincangan serantau bersama pihak berkuasa resolusi luar negara berhubung isu rentas sempadan.

Bagi Tonggak Strategik 2, inisiatif utama dan pemacu kos melibatkan pelaksanaan kempen media sosial dan pengiklanan digital, program pelibatan bersemuka secara fizikal bersama orang awam dan media, serta kerjasama dengan FEN dalam usaha meningkatkan literasi kewangan. Dalam tahun semasa, PIDM turut melabur dalam pembangunan laman web korporat baharu yang dilancarkan pada September 2025. Inisiatif antarabangsa pula merangkumi penyertaan dalam forum antarabangsa dua hala dan pelbagai hala.

Inisiatif utama Tonggak Strategik 3 tertumpu kepada dua bidang utama, iaitu pembangunan modal insan PIDM serta pengukuhan infrastruktur digital. Dari sudut modal insan, inisiatif utama ialah semakan dan pembangunan semula Rangka Kerja Kompetensi. Dalam tahun semasa, PIDM turut melabur dalam penubuhan Pusat Data Maya bagi memudahkan cara pelaksanaan infrastruktur dan aplikasi pengkomputeran awan dengan lebih efektif. PIDM juga membangunkan platform pengurusan data moden bagi mempertingkatkan keupayaan analitik data. Bagi menyokong perjalanan transformasi digital ini, pelaburan berterusan turut dilaksanakan bagi mengekalkan tahap keselamatan siber yang kukuh.

Penambahbaikan kepada modal



Modal insan




Modal intelektual



Modal pembangunan



Modal sosial dan perhubungan



Kedudukan Kewangan

Jumlah Dana Perlindungan pada 31 Disember 2025 berjumlah RM8,199.3 juta, meningkat sebanyak RM843.4 juta atau 11.5% berbanding tahun sebelumnya. Dana Perlindungan ini adalah bersamaan dengan jumlah aset sebanyak RM8,226.2 juta dan liabiliti bersih sebanyak RM26.9 juta.

Aset kami kekal pada tahap kecairan yang tinggi, iaitu 99.5%, dengan komposisi aset kewangan terdiri daripada tunai, kesetaraan tunai, pelaburan serta pendapatan pelaburan belum terima. Jumlah aset mencatat pertumbuhan sebanyak 11.5%, didorong terutamanya oleh peningkatan pelaburan serta pertambahan tunai dan kesetaraan tunai.

Jumlah liabiliti meningkat sebanyak 10.9%, terutamanya disebabkan oleh peningkatan akaun belum bayar dan akruan berkaitan urus niaga operasi biasa, serta pertambahan peruntukan Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang.

Butiran lanjut dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti diperincikan dalam Nota Penyata Kewangan.

